#### **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

# PROF. DATUK DR. D KAMARUDIN D MUDIN NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEMPENA PELANCARAN JURNAL PSIKOLOGI DAN KESIHATAN SOSIAL (JPsiKS), e-BULETIN DAN TESL SERVICE CENTRE (TSC)

5 DISEMBER 2017 (SELASA) | 9:30 PAGI AUDITORIUM FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Terima kasih kepada pengacara majlis,

#### <u>Salutasi</u>

- Yang Berusaha Prof Dr. Haji Mohd. Dahlan
   A. Malek
   Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan,
- 2. Yang dihormati pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti Malaysia Sabah

Timbalan-timbalan dekan, Para pensyarah, Para pelajar, Sahabat Media UMS, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana dengan izin-Nya, Majlis Pelancaran Jurnal Psikologi dan Kesihatan sosial (JPsiKS), e-Buletin dan TESL Service Centre (TSC) dapat direalisasikan pada hari ini.

Saya percaya, pelancaran pada hari ini adalah hasil kerjasama daripada jawatankuasa yang terlibat khususnya kepada Ketua Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, Dr Muhammad Idris Bin Bahari, ketua e-Buletin dan ketua TESL Service Centre.

#### Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial ditubuhkan pada tahun 2000 dan antara unit yang diberi Pusat Tanggungjawab sendiri. Walaupun unit ini kecil namun saya melihat Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial adalah antara unit yang aktif. Ini terbukti dengan adanya pelbagai aktiviti yang dilakukan termasuklah persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang dianjurkan sejak dari dulu lagi.

Penerbitan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial ini merupakan satu lagi penanda aras bahawa Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial telah meletakkan dirinya ke tahap yang lebih baik dan sesuai dengan misinya untuk menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi. Dengan itu, artikel yang terbaik juga dapat dihasilkan seterusnya dapat dikongsikan dengan para ilmuan dan pengkaji yang lain. Salah satu daripada pengiktirafan ranking universiti adalah melalui cabang penerbitan.

Oleh itu, saya percaya jurnal ini mampu memberikan sumbangan yang besar kepada ranking universiti kelak.

## Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya juga difahamkan bahawa selain pelancaran Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial, Fakulti Psikologi dan Pendidikan juga melancarkan e-Buletin dan TESL Service Centre. Dengan adanya e-Buletin ini, maka maklumat tentang kecemerlangan fakulti dapat disalurkan secara *online*, lebih pantas dan mudah dicapai. Saya percaya, dengan penyaluran maklumat yang mudah ini, masyarakat luar akan lebih terinspirasi dengan Fakulti Psikologi dan Pendidikan dan UMS secara umum.

Setiap tahun, UMS menerima kemasukan pelajar antarabangsa dan melalui e-buletin ini, ia akan platform bagi calon menjadi pelajar antarabangsa lain meminati aktiviti atau bidang yang ingin mereka ceburi jika menjadikan UMS sebagai pilihan. Begitu juga dengan TESL Service Centre, dengan adanya pusat ini, para pelajar dapat menyumbang ilmu yang mereka peroleh dalam bidang TESL kepada masyarakat dan sekali gus dapat memperkasakan kompetensi mereka dalam penguasaan bahasa Inggeris.

### Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Sesungguhnya, kecemerlangan sesebuah universiti adalah bergantung pada hasil yang diperoleh dan sumbangan ini sudah pastinya akan lebih memberi makna serta konsisten jika ada asas yang kukuh. Kayu ukur bagi kecemerlangan ini adalah daripada ranking yang diperoleh. Saya mengharapkan dengan pelancaran Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial, e-Buletin dan TESL Service Centre ini,

Fakulti Psikologi dan Pendidikan serta Universiti Malaysia Sabah mampu menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif serta berimpak tinggi.

Oleh yang demikian, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya melancarkan Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial, e-Buletin dan TESL Service Centre Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah. Sekian.
Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamulaikum warahmatullahi wabarakatuh.